

Headline	Satu daripada 10 nelayan dijangkiti HIV		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	24 Jan 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	22	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	92 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,614
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,841



Satu daripada 10 nelayan dijangkiti HIV

Kuala Lumpur: Satu daripada 10 nelayan, terutama laut dalam di Kuantan, Pahang dijangkiti HIV disebabkan suntikan dadah.

Kajian sosial selama lima tahun yang dijalankan Ketua Projek Centre of Excellence for Research in AIDS (CERIA) Universiti Malaya, Martin Choo Kok Keong, 36, dan enam pembantunya turut mendapati satu daripada tiga nelayan di bandar itu menyuntik dadah.

"Ini kajian pertama seumpamanya di dunia membuktikan penyakit AIDS di-kesan melalui suntikan dadah di kalangan nelayan. Kajian terdahulu hanya terbukti virus HIV diperoleh melalui aktiviti seksual," katanya pada ceramah AIDS di Fakulti Perubatan UM, di sini, semalam.

Beliau yang bakal menghabiskan pengajian doktor falsafah (PHD) tidak lama lagi berkata, kajian sosial itu berdasarkan kaji selidik 2011 yang dijalankan terhadap 406 nelayan di tiga jeti pendaratan ikan di Kuantan.

Martin berkata, lokasi berkenaan menjadi sampel pilihan kajian kerana nelayan di kawasan itu adalah salah satu komuniti terawal menerima program pertukaran jarum dan picagari yang diperkenalkan Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) pada 2006.

Hasil kajian itu juga menunjukkan hampir separuh nelayan di situ dijangkiti Hepatitis C.